

DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL [PAYA BESAR]

TARIKH : SELASA, 19 MEI 2015

**SOALAN:**

Dato' Abdul Manan bin Ismail [ Paya Besar ] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan sejauh manakah Kerajaan meneliti cadangan pembinaan '*Water Highway*' untuk dilaksanakan di negeri-negeri yang mempunyai risiko banjir yakni ini sebagai langkah proaktif untuk mengelakkan insiden banjir luar biasa yang melanda baru-baru ini dari berulang pada masa hadapan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *water highway* adalah merujuk kepada saluran lencongan air. Saluran lencongan air merupakan salah satu pendekatan yang digunakan untuk mengalirkan air banjir daripada jajaran sungai yang tiada ruang saluran ke jajaran sungai yang lain yang mempunyai ruang untuk penstoran air. Saluran lencongan air ini sememangnya diambil kira oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) dalam merancang projek tebatan banjir.

Contohnya, Gombak *diversion* sepanjang 3.375km telah dibina bagi menyalurkan air yang meningkat di Sg. Gombak ke Kolam Takungan Banjir Batu. Air banjir tersebut akan dilepaskan setelah paras air di sebelah hilir telah surut.

Walau bagaimanapun, pendekatan ini hanya sesuai bagi kawasan yang mempunyai bekas lombong atau dataran banjir sedia ada. Ia juga tertakluk kepada keadaan bentuk muka bumi yang sesuai dari segi teknikal dan ekonomi.

Sekian, terima kasih.